



Pasukan catur UiTM meraikan kejayaan meraih tiga pingat emas dan satu gangsa, semalam.

[FOTO NURUL AMANINA SUHAINI/]

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhsukan@bh.com.my

✦ Johor Bahru

UiTM gah kuasai catur SUKIPT

» Bolot tiga pingat emas, satu gangsa, semalam

Universiti Teknologi Mara (UiTM) memastikan penguasaan dalam acara catur apabila memenangi tiga pingat emas dan satu gangsa pada kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), semalam.

Kejayaan meraih pingat emas bagi acara catur berpasukan lelaki dan wanita serta perseorangan wanita membolehkan UiTM muncul juara dalam sukan itu apabila mendominasi tiga daripada empat pingat emas yang dipertandingkan.

Nur Nabila Azman Hisham, 19, menepati ramalan apabila membawa pulang pingat emas selepas mengalahkan Ruby Kwan Tsze Yeung, 21, dari Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi perseorangan wanita dengan markah 7.5, selain turut membantu pasukan wanita UiTM menewaskan Universiti Malaya (UM).

Pasukan wanita UiTM itu turut disertai oleh Najihah Mohd Saufi, 19, Nur Fariah Aminuddin, 21 dan Nur Diyana Sakinah Muhd Rusdi, 24, manakala pasukan lelaki dibarisi

oleh Muhd Nabil Azman Hisham, 22, Muhd Ali Chor, 25, Abdul Rahman M Sapuan, 23 serta Mohd Hazzafri Mohd Hazani, 23.

Selain itu, pingat gangsa bagi perseorangan lelaki dimenangi oleh Muhd Nabil, yang juga abang kepada Nur Nabila.

Jurulatih bangga

Jurulatih catur UiTM, Nor Azmi Mohd Nor, berkata pasukannya sudah menyertai SUKIPT sejak tiga edisi dan ini kali pertama mencatatkan kemenangan, malah lebih bermakna lagi apabila mengutip hampir keseluruhan pingat emas yang dipertandingkan.

Katanya, beliau berbangga dengan pencapaian terbaik skuad catur UiTM bimbingannya yang dilatih sejak 10 tahun lalu dengan menumpukan kemahiran menguasai perlaw-

nan menerusi strategi dan tahap konsistensi untuk berjaya mencipta kelemahan dalam posisi lawan.

"Kami sudah banyak kali menyertai SUKIPT tetapi ini kali pertama pasukan ini berjaya merangkul pingat emas, sebelum ini pencapaian terbaik kami adalah di tempat keempat," katanya.

Nor Azmi berkata, pihaknya menjalankan latihan intensif selama seminggu sebelum perlawanan itu dan ia dimanfaatkan sebaiknya oleh pasukan yang bukan sahaja komited mengembangkan potensi diri, malah permainan mereka mencapai tahap yang diinginkan termasuk menyusun langkah dengan tepat dan bersikap seperti pemain profesional.

"Saya berpuas hati dengan prestasi cemerlang yang ditunjukkan atlet saya apabila bukan

sahaja melepasi sasaran pingat emas yang diharapkan, malah mampu mengalahkan pesaing dengan mudah," katanya.

Sementara itu, Nur Nabila berkata, dia berpuas hati dengan kemenangan berganda yang dicapai dan bertekad untuk terus menempa nama dalam acara itu.

"Pada mulanya agak sukar untuk saya mengawal permainan dan kerap tersilap langkah pada pusingan kesembilan, namun saya tidak mudah menyerah kalah untuk terus mempertahankan posisi sehingga penghujung perlawanan.

"Ini kali pertama sama bertanding di SUKIPT. Saya memang berminat dengan catur yang sebenarnya sudah sebatian dengan saya, malah sebelum ini saya pernah mewakili sekolah rendah dalam acara ini," katanya.